



16 MAR, 2025

## FAMA Pahang bekal 73 tan kelapa sebulan

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA Pahang bekal 73 tan kelapa sebulan

**Kuantan:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang membebalkan lebih 73 tan kelapa kepada pengguna dalam tempoh sebulan.

Pengarah FAMA Pahang, Rashina Mamat, berkata pihaknya sedia mengimport lebih banyak kelapa bagi memenuhi permintaan pengguna pada Ramadhan dan Aidilfitri ini.

Katanya, FAMA Pahang mula mengimport kelapa awal bulan lalu bermula sebanyak 30 tan membabitkan kira-kira 30,000 biji kelapa dengan setiap bulan bekalan diterima secara berterusan dan jumlahnya bergantung pada permintaan pengguna.

“Harga antara RM2.75 hingga RM3 sekilogram (kg) bergantung harga semasa import yang diterima daripada pembekal.

“Kita dijangka tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan secara berterusan kerana pembekal dari Sabah, Sarawak serta Indonesia memberi jaminan mampu memenuhi permintaan diperlukan.

“Kita memberi jaminan bekalan kelapa sepanjang Ramadhan dan Aidilfitri ini mencukupi, tidak ada alasan peniaga menaikkan harga makanan termasuk kuih sehingga membebangkan pengguna,” katanya, di sini semalam.

FAMA Pahang mula mengedar kelapa pada 4 Februari lalu melalui pusat operasi FAMA yang dipilih.

Rashida berkata, pemborong serta usahawan di negeri ini boleh mendapatkan bekalan secara tempahan awal dengan menghubungi Pengurus Operasi FAMA Kuantan (0132224062), Pengurus Operasi FAMA Langkawi (0139491897) dan Pengurus Operasi FAMA Jerantut (0192417276).

Katanya, peringkat awal Ibu Pejabat FAMA menerima bekalan 640 tan sebulan dari Sabah, Sarawak dan Indonesia.

Bekalan diagihkan kepada pusat operasi FAMA di seluruh negara dan institusi awam dan swasta masing-masing 350 dan 290 tan.

Beliau berkata, bagi mengelak kelapa rosak, kaedah tempahan digunakan dan pihaknya hanya mengimport mengikut jumlah tempahan diterima daripada usahawan dan pemborong.

Tinjauan mendapati bekalan kelapa di daerah ini masih mencukupi cuma harga santan kini mencecah RM20 sekilogram (kg) menyebabkan harga kuih mula naik.



16 MAR, 2025

## FAMA Pahang bekal 73 tan kelapa sebulan

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang membekalkan lebih 73 tan kelapa kepada pengguna dalam tempoh sebulan. Pengarah FAMA Pahang, Rashiha Mamat, berkata pihaknya sedia mengimpor lebih banyak kelapa bagi memenuhi permintaan pengguna pada Ramadan dan Aidilfitri ini. Katanya, FAMA Pahang mula mengimpor kelapa awal bulan lalu bermula sebanyak 30 tan membabitkan kira-kira 30,000 biji kelapa dengan setiap bulan bekalan diterima secara berterusan dan jumlahnya bergantung pada permintaan pengguna. "Harga antara RM2.